

41 maut, jutaan terkandas banjir di Bangladesh

BERITA HARIAN MS:28 19/6/2022

Hujan berterusan menyebabkan kawasan rendah ditenggelami air

Sylhet: Ribut monsun di Bangladesh setakat semalam mengorbankan sekurang-kurangnya 41 mangsa dan mengakibatkan banjir besar yang menyebabkan jutaan orang terkandas setakat petang semalam.

Banjir menjadi ancaman biasa kepada berjuta-juta orang di dataran rendah di Bangladesh, tetapi pakar berpendapat perubahan iklim meningkatkan kekerapan, keganasan dan ketidakpastian cuaca sejak kebelakangan ini.

Hujan tanpa henti menyebabkan sebahagian besar kawasan timur laut negara itu berada di bawah air dan anggota tentera dikerah bagi menyelamatkan penduduk yang terjejas.

Pihak berkuasa menangguhkan ujian tamat pengajian sekolah menengah yang akan diadakan di seluruh negara, dengan ratusan bilik darjah kini digunakan sebagai tempat perlindungan sementara bagi mereka yang rumahnya ditenggelami air.

Pihak berkuasa di negara Asia Selatan itu memberitahu AFP bahawa 21 daripada 41 mangsa maut akibat dipanah petir susulan ribut monsun sejak petang kelmarin.



Anggota tentera memindahkan penduduk yang terperangkap banjir berikutan ribut monsun di Sylhet, Bangladesh.

(Foto AFP)

Antara mangsa yang dipanah petir termasuk tiga kanak-kanak berusia antara 12 dan 14 tahun kelmarin di bandar terpencil, Nandail, menurut ketua polis tempatan, Mizanur Rahman.

Sementara itu, Inspektor Nurul Islam memberitahu AFP bahawa empat lagi mangsa terbunuh apabila tanah runtuh menimbus rumah mereka yang terletak di kaki bukit di bandar pelabuhan Chittagong,

Ketua Pentadbir Kerajaan di Sylhet, Mosharrif Hossain, berkata banjir bertambah buruk pagi semalam selepas cuaca reda sedikit petang kelmarin.

“Keadaan kini teruk, lebih empat juta orang terkandas akibat banjir dan seluruh wilayah ini terputus bekalan elektrik,” katanya.

Banjir juga memaksa penutupan lapangan terbang antarabangsa ketiga terbesar di Bangladesh yang terletak di Sylhet kelmarin.

Menurut Pegawai Pusat Ramalan dan Amaran Banjir kerajaan, Arifuzzaman Bhuiyan, banjir dijangka bertambah buruk dalam tempoh dua hari lagi susulan hujan lebat di Bangladesh dan kawasan hulu sungai di timur laut India.

“Hujan lebat yang bermula minggu lalu di Bangladesh dan sebahagian negara jiran, India,

menyebabkan air mengalir ke sungai dan memecahkan tebing.

“Sungai Surma, laluan air terbesar di wilayah Sylhet, kini satu meter lebih tinggi daripada biasa.

“Ini adalah salah satu banjir terburuk dalam sejarah rantau ini. Keadaan akan bertambah buruk dalam tempoh dua hari akan datang,” katanya.

Malah, sebelum hujan lebat minggu ini, wilayah Sylhet masih lagi dalam proses pemulihan daripada banjir terburuk dalam tempoh dua dekad lewat bulan lalu, yang mengakibatkan 10 mangsa terbunuh dan lebih empat juta terjejas.

AFP